



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

***Kenyataan media (2) Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Gobind Singh Deo, di Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Presint 4, Putrajaya pada 20hb Jun 2018:***

## **Harga jalur lebar akan turun pada hujung tahun**

Harga perkhidmatan jalur lebar di Malaysia dijangka turun sekurang-kurangnya 25% pada penghujung tahun.

Penurunan harga ini adalah berikutan implementasi Mandatory Standard on Access Pricing (MSAP) sejak 8hb Jun 2018. Pihak-pihak yang terlibat masih dalam perbincangan penetapan harga borong. Saya difahamkan bahawa proses ini akan berakhir pada bulan Julai/Ogos, dan seterusnya pakej perkhidmatan jalur lebar pada harga yang lebih rendah akan diperkenalkan kepada pengguna.

Polisi MSAP mengenakan harga siling borong bagi pihak pembekal kemudahan dan perkhidmatan yang digunakan oleh syarikat-syarikat telco dalam pasaran. Penurunan harga borong bakal mengurangkan harga pasaran untuk pengguna.

SKMM telah mengkaji polisi MSAP selama setahun pada 2017. Semakan harga sepatutnya diperkenalkan pada 1hb Januari 2018 tetapi tidak dilaksanakan disebabkan rayuan daripada Telekom Malaysia (TM) untuk SKMM mengkaji semula beberapa butir komponen harga. Keputusan untuk mengkaji semula harga jalur lebar ditangguhkan sementara menunggu pertimbangan Menteri Komunikasi dan Multimedia pada masa itu.

Selepas pelantikan saya sebagai Menteri Komunikasi dan Multimedia yang baru, saya telahpun mengumumkan bahawa Pakatan Harapan (PH) akan mengambil langkah-langkah untuk menurunkan harga jalur lebar serta menambah kelajuan perkhidmatan tersebut. Ia merupakan pendapat saya bahawa kajian harga tersebut yang akan menurunkan harga pasaran jalur lebar, sepatutnya dilaksanakan. SKMM telahpun melaksanakan MSAP pada 8hb Jun 2018 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2018. Saya berharap ini akan menurunkan harga jalur lebar sekurang-kurangnya 25% di Malaysia pada hujung tahun ini.

Saya juga telah mengumumkan bahawa Kerajaan sedang mempertimbangkan isu akses kepada internet sebagai satu hak asasi asas di Malaysia, dan jika boleh dilaksanakan, sebagai hak perlembagaan. Hakikatnya, perkhidmatan jalur lebar merupakan pemacu kepada usaha transformasi negara kita kepada sebuah ekonomi digital demi memastikan rakyat Malaysia berpeluang menikmati semua faedah yang ditawarkan ekonomi digital.

Kajian semula harga MSAP pada 8hb Jun 2018 adalah selaras dengan janji kerajaan PH untuk menurunkan harga jalur lebar. Di samping itu, saya telah mengarahkan SKMM untuk pertimbangkan langkah-langkah lain yang boleh menurunkan lagi harga jalur lebar. Saya juga telah meminta SKMM untuk memantau harga jalur lebar di Malaysia supaya harga pakej peringkat permulaan adalah munasabah untuk semua rakyat. Ini bertujuan memastikan rakyat dari semua lapisan masyarakat dan pendapatan mempunyai akses kepada Internet dan mendapat faedah serta berpeluang menceburi era digital ini.

**GOBIND SINGH DEO**  
**Menteri Komunikasi dan Multimedia**



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

***Media statement (2) by Minister of Communications and Multimedia, Gobind Singh Deo at the Ministry of Communications and Multimedia, Presint 4, Putrajaya on 20 June 2018:***

### **Broadband prices to decline by the end of 2018**

The prices of fixed broadband in Malaysia are expected to decline by at least 25% by the end of the year.

This follows the implementation of the Mandatory Standard on Access Pricing (MSAP) which was enforced by the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) on the 8<sup>th</sup> of June 2018. The relevant parties are currently in commercial discussions to finalise the wholesale prices. I am made to understand that this process is scheduled to be concluded by the July/August timeframe after which new lower-priced broadband packages are expected to be rolled out to consumers.

The MSAP stipulates the ceiling wholesale prices that can be charged by service providers for the facilities and services used by the retail telco players. Lowering wholesale prices should translate to lower retail prices for consumers.

MCMC conducted a year-long review of the MSAP in 2017. The revised prices were to have come into effect on 1<sup>st</sup> January 2018. However, the revised prices were not implemented as Telekom Malaysia (TM) had appealed to MCMC to reconsider the position on some of the pricing components. The decision to revise the prices for broadband was thereafter put on hold pending consideration of the Minister of Communications and Multimedia.

Upon my appointment as Minister of Communications and Multimedia, I announced that the Pakatan Harapan (PH) government would take steps to reduce the prices of broadband in the country and increase its speed. It was therefore my opinion that the revised prices which would result in a reduction of retail prices of broadband, ought to be implemented and enforced. The MCMC enforced the MSAP on 8<sup>th</sup> June 2018, with effect from 1<sup>st</sup> January 2018. This, hopefully will result in a reduction of broadband prices across Malaysia by at least 25%, by the end of the year.

I have also announced that the government would consider recognising access to internet as a basic human right in Malaysia, even to the extent, if practicable, a constitutional right. This is in recognition of the fact that broadband services are critical for the transformation of our nation into a digital economy and to ensure that all Malaysians have access to information. Furthermore, access to broadband is critical to ensure that all Malaysians are able to enjoy all the benefits that an e-industry can offer.

The revision of the MSAP prices on the 8<sup>th</sup> of June is in keeping with the pledges of the PH government to lower broadband prices. In addition to this, I have directed MCMC to consider other options available which would further reduce the prices of broadband. I have further instructed MCMC to monitor broadband prices in Malaysia to ensure affordable entry-level packages are offered to Malaysians. This will ensure that the rakyat from all sectors and different income groups have access to the internet and are given every opportunity to fully participate and benefit in the digital era.

**GOBIND SINGH DEO  
MINISTER OF COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA**